

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T3/25/BM/HPUSM/56 : Perkhidmatan **Mengurus Dan Melupuskan Sisa-Sisa Klinikal** Bagi Tempoh Lima (5) Tahun, Di Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

Kelayakan : Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan – Kod Bidang **221008**.

Tarikh Tutup Tender : **30 April 2025 (Rabu), Jam 12.00 Tengah hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **9 April 2025** hingga **22 April 2025**.

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

Tarikh & Tempat Taklimat : **9 April 2025 (Rabu), Jam 10.30 Pagi.**
Masa Pendaftaran : Jam 10.15 Pagi.
Bilik Mesyuarat Aras 1, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasilitas, USM Kampus Kesihatan, 16150 Kota Bharu, Kelantan,

Syarat Taklimat / Lawatan Tapak :

- i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat / lawatan tapak**. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat / lawatan tapak, menurunkan cap syarikat & menandatangani borang kehadiran taklimat / lawatan tapak.
- ii) Hanya **penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak tender**.
- iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.
- iv) Wakil Syarikat (**Penama**) yang hadir wajib mengemukakan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** serta masih sah tempoh lakunya.

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/25/BM/HPUSM/56>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. (**Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan**).
- ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang **Kementerian Kewangan**.

- Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan & Aset , Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.**
- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih.**

*** Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**